

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KEMAHIRAN**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	H4-1, H4-3, H4-4
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Kemahiran adalah seperti di **Rujukan H1**).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H4-1: T2); atau

(b) Sijil Pelajaran Malaysia serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H4-1: T2).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H4-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H4-3**

4. Pembantu Kemahiran Gred H4-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H4-3 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H4-4**

5. Pembantu Kemahiran Gred H4-3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H4-4 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (c) (i) memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(iii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan yang dijalankan atau diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK**

6. Pembantu Kemahiran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Juruteknik Gred JA3-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SENARAI BIDANG YANG PALING SESUAI UNTUK PELANTIKAN
KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H4-1
BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN**

BIDANG	STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)		TAHAP
Elektrik	C-051-2	Juruteknik Elektrik	2
	C-051-3	Juruteknik Elektrik Kanan	3
Jurugegas (Jentera)	P-040-2	Mekanik Jentera Pertanian	2
	P-040-3	Juruteknik Jentera Pertanian	3
	P-030-2	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2
	P-030-3	Juruteknik Kenderaan Perdagangan	3
	H-100-2	Mekanik Industri	2
	H-100-3	Juruteknik Industri	3
	H-160-2	Pembantu Juruteknik Penyenggaraan Industri Berat	2
	H-160-3	Juruteknik Penyenggaraan Industri Berat	3
Kenderaan Motor	P-030-2	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2
	P-030-3	Juruteknik Kenderaan Perdagangan	3
	P-115-2	Mekanik Kenderaan Motor	2
	P-115-3	Juruteknik Kenderaan Motor	3
	P-130-2	Juruteknik Automotif Servis Tayar	2
	P-117-3	Penyelia Servis Tayar	3
Kimpalan	H-022-2	Jurukimpal Gas	2
	H-022-3	Juruteknik Kimpalan Gas	3
	H-024-2	Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	2
	H-024-3	Juruteknik Kimpalan Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	3
	H-025-2	Jurukimpal Arka Tungsten Gas ((Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	2

BIDANG	STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)		TAHAP
Kimpalan	H-025-3	Juruteknik Kimpalan Arka Tungsten Gas (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat & Aluminium)	3
	H-026-3	Juruteknik Kimpalan Arka Tungsten Gas & Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	3
	H-021-1	Jurukimpal Logam Tanpa Ferus	2
	H-021-3	Juruteknik Kimpalan Logam Tanpa Ferus	3
Mekanik Penyejukan	C-010-2	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Domestik	2
	C-010-3	Juruteknik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Domestik	3
	C-040-2	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Komersial	2
	C-040-3	Juruteknik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Komersial	3
Paip dan Bekalan Air	B-020-2	Jurukerja Paip	2
	B-020-3	Juruteknik Kerja Paip	3
Perkayuan	RB-050-2	Pembuat Perabot Kanan	2
	RB-050-3	Penyelia Pembuat Perabot	3
	A-020-2	Jurubina Bangunan Berasaskan Kayu	2
	A-020-3	Juruteknik Binaan Bangunan Berasaskan Kayu	3
	RB-051-2	<i>Interior Wood Work Senior Carpenter</i>	2
	RB-051-3	<i>Interior Wood Work Senior Carpenter Supervisor</i>	3

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU/OPERATOR JENTERA PEMUNGGAH**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	H5-1, H5-2, H5-3
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (b) Lesen memandu Kelas E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] dan Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan
 - (c) Berkebolehan memandu dan mengendalikan semua jenis jentera pemungga dalam pelbagai saiz dan kekuatan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T1).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H5-2**

3. Pemandu/Operator Jentera Pemungga Gred H5-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemungga Gred H5-2 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (d) (i) memiliki sijil kecekapan memandu dan mengendalikan jentera pemungga (bukan kontena) yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan; atau
(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebagai telah mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam memandu dan mengendalikan jentera pemungga (bukan kontena) dalam pelbagai saiz dan kekuatan; dan

- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H5-3**

4. Pemandu/Operator Jentera Pemungkah Gred H5-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemungkah Gred H5-3 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) (i) memiliki sijil kecekapan memandu dan mengendalikan jentera pemungkah (bukan kontena) yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan; atau
(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebagai telah mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam memandu dan mengendalikan jentera pemungkah (bukan kontena) dalam pelbagai saiz dan kekuatan;
- (e) (i) memiliki sijil kecekapan memandu dan mengendalikan jentera pemungkah (kontena) yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan; atau
(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebagai telah mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam memandu dan mengendalikan tiga jenis jentera pemungkah (kontena) dalam pelbagai saiz dan kekuatan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

5. Pemandu/Operator Jentera Pemungkah Gred H5-2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu/Operator Jentera Pemungkah Gred H5-3 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (c) (i) memiliki sijil kecekapan memandu dan mengendalikan jentera pemungkah (kontena) yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan; atau
(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebagai telah mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam memandu dan mengendalikan tiga jenis jentera pemungkah (kontena) dalam pelbagai saiz dan kekuatan; dan
- (d) diperakukan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU
KEMAHIRAN**

6. Pemandu/Operator Jentera Pemungkah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H4-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR LOJI**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	H5-1, H5-2
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
 - (b) Sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan
 - (c) Berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T1).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H5-2**

3. Operator Loji Gred H5-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Loji Gred H5-2 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (d) memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 1 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 1 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebagai cekap mengendalikan Loji Pembakaran Dalam Melebihi 100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya melebihi 100 kaki persegi mana yang berkenaan; dan
 - (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU KEMAHIRAN**

4. Operator Loji yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H4-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU AWAM**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	H5-1, H5-2
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T1); atau
 - (b) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mempunyai Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T1); atau
 - (c) *Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H5-1: T2).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED H5-2**

3. Pembantu Awam Gred H5-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H5-2 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMANDU LOKOMOTIF,
PEMBANTU KEMAHIRAN
DAN PENJAGA JENTERA
ELEKTRIK**

4. Pembantu Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A4-1, Pembantu Kemahiran Gred H4-1 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J4-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.